# KENYATAAN AKHBAR
# KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 31 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 31 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **6,127 kes** (2,374,761 kes kumulatif, 96.1%);
- Kes baharu : **4,979 kes** (2,471,642 kes kumulatif);
- Kes import : **23 kes** (16 warganegara; 7 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,956 kes** [4,737 warganegara (95.6%); 219 bukan warganegara (4.4%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **562 kes** (501 kes disahkan COVID-19 ; 61 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **326 kes** (220 kes disahkan COVID-19 ; 106 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,771 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **6 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,343 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **428 kluster**.

Daripada **4,979 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **85 kes (1.7 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **4,894 kes (98.3 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di https://covidnow.moh.gov.my. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

**NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan ***Wash, Wear*** dan ***Warn***).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**
31 Oktober 2021 @6:30 petang.

**LAMPIRAN 1**

## KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA PADA 31 OKTOBER 2021

| NO | NAMA KLUSTER | KATEGORI KLUSTER | NEGERI | DAERAH | JUMLAH KES | JUMLAH DISARING |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Desa Sena | Pendidikan Lain | Pulau Pinang | Seberang Perai Utara | 24 | 80 |
| 2 | Jalan Bukit Rasah | Pendidikan Tinggi | Negeri Sembilan | Seremban dan Kuala Pilah | 23 | 83 |
| 3 | Indera Mahkota Lapan | Pendidikan Tinggi | Pahang | Kuantan | 10 | 80 |
| 4 | Serigala Ulu | Komuniti | Selangor | Hulu Selangor | 11 | 23 |
| 5 | Kampung Pulau Panjang Kemumin | Komuniti | Kelantan | Kota Bharu | 16 | 20 |
| 6 | Industri Jalan Budi Selatan | Tempat Kerja | Johor | Batu Pahat | 8 | 29 |

**LAMPIRAN 2**

**NILAI $R_T$ MENGIKUT NEGERI**
**BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN**
**PADA 30 OKTOBER 2021**

| NEGERI | NILAI $R_T$ |
|---|---|
| **NEGERI SEMBILAN** | 1.02 |
| **WP KUALA LUMPUR** | 1.02 |
| **WP PUTRAJAYA** | 0.97 |
| **MELAKA** | 0.97 |
| **SELANGOR** | 0.95 |
| **SABAH** | 0.95 |
| **KEDAH** | 0.94 |
| **PAHANG** | 0.94 |
| **PERLIS** | 0.92 |
| **PERAK** | 0.89 |
| **JOHOR** | 0.87 |
| **TERENGGANU** | 0.87 |
| **PULAU PINANG** | 0.86 |
| **KELANTAN** | 0.86 |
| **SARAWAK** | 0.83 |
| **WP LABUAN** | 0 |
| **MALAYSIA** | **0.96** |